

**Parlimen: Isu Kemanusiaan Antara Faktor Berlaku Kekurangan Guru - Muhyiddin Bernama**  
**18 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata isu kemanusiaan menjadi antara faktor utama menyebabkan isu penempatan guru masih berlaku sehingga menimbulkan masalah kekurangan guru di sesetengah sekolah.

Timbalan Perdana Menteri berkata Kementerian Pelajaran tidak dapat memenuhi tuntutan sebenar keperluan guru di sekolah-sekolah apabila rayuan diterima daripada guru setiap kali arahan perpindahan dikeluarkan.

"Guru adalah golongan yang dekat dengan masyarakat dan apabila telah tinggal lama di sesuatu tempat, sudah bersuami atau beristeri dan beranak-pinak, apabila kami memerlukan pertukaran berlaku atau penempatan semula di tempat-tempat yang berlaku kekurangan guru, kami menghadapi masalah," katanya Di Dewan Rakyat Isnin.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran berkata selain rayuan daripada guru berkenaan, kadang-kadang wujud campur tangan orang politik yang memberikan surat sokongan supaya perpindahan tidak dilakukan.

"Dan kalau kami nak tukar, ia melibatkan faktor sosial iaitu keluarga. Masalah sebegini timbul menyebabkan kami tidak dapat memenuhi tuntutan sebenar," katanya ketika menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Dr Tan ingin tahu apakah tindakan Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah kekurangan guru di sesetengah sekolah yang masih berlaku sehingga kini.

Mengakui masalah kekurangan guru itu sering berlaku, Muhyiddin berkata kementerian sedang mencari jalan untuk mengatasinya bagi tempoh jangka panjang.

Muhyiddin berkata pihaknya percaya masalah itu akan dapat diatasi dengan adanya kajian semula terhadap sistem pendidikan yang sedang dilaksanakan yang melibatkan soal organisasi di peringkat pentadbiran pendidikan.

Menjawab soalan Teng Boon Soon (BN-Tebrau), beliau berkata kementerian telah melaksanakan program transformasi di peringkat sekolah vokasional dalam usaha melahirkan tenaga mahir terutama separuh mahir di kalangan pelajar.

Kementerian juga akan memperkenalkan bidang-bidang yang bersesuaian dengan keperluan pasaran sebagai langkah bagi menyediakan lebih ramai tenaga pekerja terlatih, katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673776>